

Langkap dilanda banjir

SUNGAI MANIK – Lapan rumah di tiga kampung sekitar Langkap dimasuki air selepas air Sungai Chikus dan Sungai Perda melimpah sejak petang kelmarin.

Tiga kampung itu membabitkan Kampung Guru, Kampung Batu Pecah dan Kampung Seri Langkap yang mencapai paras air mencecah hampir 0.5 meter.

Shaari Alooi, 65, dari Kampung Guru berkata, air Sungai Perda mula melimpah memenuhi halaman rumahnya sekitar jam 6 petang sebelum keadaan menjadi lebih teruk.

“Air deras mula masuk rumah selepas Isyak ketika kami sedang menonton TV di ruang rumah bawah. Masa itu memang kelim kabut sebab kami terpaksa pindahkan barang-barang ke atas,” katanya.

Menurutnya, Kampung Guru kerap dilanda banjir dan untuk tahun ini sahaja sudah empat kali rumahnya dimasuki air namun tidak seteruk semalam.

Sementara itu, Exco Kerajaan Negeri, Datuk Zainol Fadzi Paharudin yang turut serta melawat mangsa banjir di tiga kampung tersebut berkata, setakat petang



Limpahan air Sungai Chikus dan Sungai Perda menyebabkan lapan rumah dinaiki air.

semalam, semua mangsa belum lagi dipindahkan.

“Semua mangsa ada rumah atas untuk tinggal dan keadaan masih lagi terkawal serta selamat dengan paras air menunjukkan penurunan sejak pagi semalam.

“Tetapi jika keadaan semakin teruk dan air naik semula kita akan mempertimbangkan untuk memindahkan mereka ke pusat penempatan banjir,” katanya.

Zainol Fadzi yang juga Adun Sungai Manik turut menyampaikan bantuan kotak makanan Yayasan Bina Upaya (YBU) kepada semua

mangsa banjir.

Dalam pada itu, sebuah pusat pemindahan di Sekolah Kebangsaan (SK) Changkat Jong dibuka semula kira-kira jam 6 petang, semalam, akibat limpahan air Sungai Bidor.

Keadaan itu menyebabkan 22 mangsa banjir dari empat keluarga di Lorong Mesra, Changkat Jong dipindahkan ke pusat berkenaan apabila paras air terkini mencatatkan paras bahaya iaitu 3.5 meter.

Pusat pemindahan itu ditutup pada penghujung November lalu dan dibuka semula bagi memastikan keselamatan mangsa.